

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bharian.com.my

# Aimi ajaib- tukar jeans

**B**erikan seluar jeans terpakai kepada Aimi Nadzirah Yahya.

Beliau boleh mengubahnya menjadi beg tangan, sarung komputer riba, sarung telefon bimbit, sarung cermin mata, jaket, anduh, sarung botol air dan pelbagai lagi barang.

Kreativiti pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) itu 'mengitar semula' seluar jeans terpakai untuk kegunaan lain membolehkannya memulakan perniagaan bersama-sama rakan, Quratul Izyan Nadzein Shah yang menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Menerusi blog [dazzlingdenim.blogspot.com](http://dazzlingdenim.blogspot.com) dan Facebook Dazzling Denim, Aimi dan rakan kongsinya membuat promosi dan menerima tempahan teru-





**Antara koleksi**  
peribadi beg jeans  
buatan Aimi Nadzirah.

tama pada cuti semester panjang antara Jun hingga September.

#### **Asal perniagaan**

“Asalnya, saya hanya memem-

nuhi permintaan rakan kuliah yang membuat tempahan apabila tertarik dengan beg jeans buatan sendiri yang saya gunakan untuk ke kuliah.

“Idea menjalankan perniagaan ini daripada Qurratul Izyan yang turut mempelajari kemahiran ini daripada saya bagi membolehkan lebih banyak tempa-

han diterima.

“Apabila ada rakan kongsi, lebih mudah bagi kami menguruskan perniagaan ini sambil menjalani pengajian kerana mana-mana tempahan yang saya tidak sempat buat, Qurratul Izyan akan membantu dari sebaliknya,” katanya.

#### **Beg paling popular**

Aimi berkata, kebanyakan pelanggan membuat tempahan beg.

Katanya, mereka hanya perlu nyatakan ciri beg dikehendaki dan kegunaannya atau memilih rekaan beg dipaparkan di blog dan Facebook.

“Saya dan rakan kongsi akan membuat sendiri barang dikehendaki,” katanya yang mengikuti Bacelor Kesustasteraan Bahasa Inggeris.

#### **Hantaran perkahwinan**

Aimi berkata, antara tempahan terbaik pernah disiapkan ialah beg hantaran per-

kahwinan dan rekaan beg tangan dengan tali bentuk jalinan yang menarik minat ramai pelanggan.

Beliau berkata, satu beg memerlukan masa kira-kira seminggu untuk disiapkan.

Katanya, beliau menghadkan tempahan lima beg sebulan pada waktu pengajian.

Namun, beliau pernah menyiapkan tempahan 30 beg dalam tempoh tiga bulan cuti semester.

#### **Pinjam mesin emak**

“Pengesahan rekaan beg dengan pelanggan serta mencari bahan untuk membuat beg mengambil masa tiga hingga empat hari selain kira-kira dua hari untuk menjahit beg.

“Saya menjahit beg menggunakan mesin jahit ibu.

“Jadi, saya perlu pulang ke rumah di Klang, Selangor pada hujung minggu untuk menyiapkan tempahan.

“Minat menjahit timbul apabila sering melihat ibu menjahit baju dan langsir,” katanya.

#### **Diskaun RM5**

Aimi menetapkan harga antara RM10 hingga RM100 bagi beg dihasilkannya dan turut menawarkan diskaun RM5 bagi mereka yang menggunakan seluar jeans sendiri untuk dijadikan barang lain.

Hasil daripada perniagaan itu membolehkannya menambah duit perbelanjaan untuk keperluan pengajian.

“Dengan mengusahakan perniagaan ini, saya bukan saja dapat membantu mengitar semula seluar jeans terpakai tetapi membolehkan individu memilik beg dengan identiti tersendiri,” katanya.

Aimi bercadang membuka butik beg apabila tamat pengajian sebagai sumber pendapatan tambahan.